

<b>Headline</b>	<b>UPM pamer penemuan</b>	<b>Language</b>	<b>MALAY</b>
<b>Date</b>	<b>18. Aug 2008</b>	<b>Page No</b>	<b>5</b>
<b>Media Title</b>	<b>Harian Metro</b>	<b>Article Size</b>	<b>388 cm<sup>2</sup></b>
<b>Section</b>	<b>Variasi</b>	<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>
<b>Circulation</b>	<b>336603</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Readership</b>	<b>2192000</b>	<b>AdValue</b>	<b>4989.14</b>



# UPM pamer penemuan

Pameran sejak 1997 langkah proaktif perkenal pelbagai penyelidikan baru

>>Oleh Ruhailza Rusmin  
ruhailza@hmetro.com.my

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM) mensasarkan matlamat untuk mengembangkan lagi potensi dan kewibawaan penyelidiknya menerusi pelbagai penemuan baru.

Bagi menyokong usaha berkenaan, UPM dengan kerjasama Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UPM menganjurkan Pameran Reka Cipta, Penyelidikan dan Inovasi (PRPI) 2008, di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Pameran yang diperkenalkan sejak 1997 itu adalah langkah proaktif UPM bagi memperkenalkan pelbagai penemuan selain menyemarakkan budaya penyelidikan di kalangan warga kampus.

Dengan mengangkat tema Pembudayaan Penyelidikan Berimpak Tinggi, program itu mensasarkan objektif mempamerkan pencapaian penyelidikan, reka cipta serta inovasi yang berkualiti dalam pelbagai bidang khususnya sains dan teknologi.

Selain itu, ia menjadi

platform utama untuk mengehal pasti hasil yang boleh diketengah dan dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Pameran tiga hari itu membabitkan aspek pertanian, makanan, kesihatan, perhutanan dan alam sekitar, sains sosial serta sains, teknologi dan kejuruteraan dengan 349 produk penyelidikan dipamerkan.

Antara penemuan penyelidikan baru ialah perabot dari pada batang kelapa sawit, pembuka buah durian serta tandas pintar.



**MUDAH...**  
pembuka durian antara penemuan baru yang dipamerkan.



**MENARIK...**  
konsep rumah pintar hasil penyelidikan pensyarah UPM.

